



UTHM Paddlers meraikan kejayaan muncul juara keseluruhan Rowing Lelaki dan Wanita Sukan Air MASUM 2014 di Pusat Rekreasi Sukan Air, Precint 6, Putrajaya, baru-baru ini.

Oleh MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK
kampus@utusan.com.my

PASUKAN Paddlers yang mewakili Universiti Teknologi Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mengharumkan nama universiti berkenaan apabila muncul juara keseluruhan Rowing Lelaki dan Wanita Sukan Air Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) 2014 baru-baru ini.

Kemenangan yang dilakar di Pusat Rekreasi Sukan Air, Precint 6, Putrajaya itu lebih manis kerana UTHM berjaya muncul juara keseluruhan sebanyak tiga kali sejak sukan itu diperkenalkan pada tahun 2008.

Semangat dan perjuangan para atlet UTHM Paddlers dalam Sukan Masum

UTHM juara

Kemenangan dalam sukan air Masum itu lebih manis kerana UTHM berjaya muncul juara keseluruhan sebanyak tiga kali sejak sukan itu diperkenalkan pada 2008

Rowing dan Kayak 2014 menjadi tungggak utama kejayaan apabila berjaya membawa pulang semua pingat yang dipertandingkan bagi kategori rowing lelaki dan wanita.

Pasukan UTHM telah berjaya membawa pulang lima pingat emas lima perak dan dua gangsa.

Bagi acara kayak pula membawa

pulang satu pingat emas, satu perak dan satu gangsa daripada lapan acara dipertandingkan.

Latihan sepanjang tahun dan pengorbanan sebagai mahasiswa dan atlet universiti menjadi cabaran utama untuk mereka bergiat aktif dalam bidang sukan.

Semoga kejayaan ini akan menjadi

pemangkin dan pembakar semangat kepada pasukan UTHM untuk meraih kejayaan dalam bidang sukan.

Di samping itu, kejayaan ini juga berjaya meletakkan nama UTHM sebagai antara institusi pengajian tinggi (IPT) yang cemerlang dalam bidang sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.